

4 April 2025 (Jumaat)

PERTANDINGAN IDEA KONSEP REKA BENTUK CADANGAN MENAIKTARAF PASAR BESAR IPOH

Maklum Balas Pertanyaan

BIL	PERKARA
1.	<p><u>Soalan</u> Apakah floor level (FFL)/ Floor height untuk Zon A, B, C, D & E?</p> <p><u>Jawapan</u> Ketinggian setiap tingkat adalah kira-kira 13' (3.96m). LAMPIRAN F; Lukisan Kerja ACAD telah dikemaskini di dalam <i>link</i> Google Drive.</p>
2.	<p><u>Soalan</u> Mengenal pasti bahawa tapak tersebut adalah sebuah <i>island site</i>. Boleh saya tahu jalan-jalan yang menghadap setiap sisi tapak tersebut?</p> <p><u>Jawapan</u> Bangunan Pasar Besar Ipoh dikelilingi oleh Jalan Datuk Onn Jaafar, Jalan Foo Choo Choon dan Jalan Laxamana. LAMPIRAN F; Lukisan Kerja ACAD telah dikemaskini di dalam <i>link</i> Google Drive.</p>
3.	<p><u>Soalan</u> Boleh saya tahu di mana titik utara dalam peta ini?</p> <p><u>Jawapan</u> LAMPIRAN F; Lukisan Kerja ACAD telah dikemaskini di dalam <i>link</i> Google Drive.</p>
4.	<p><u>Soalan</u> Nak tanya, dalam Google Drive, ada Lampiran G?</p> <p><u>Jawapan</u> LAMPIRAN G; Jadual Kategori, Saiz dan Bilangan Lot ada di dalam Terma Rujukan Pertandingan. Walau bagaimanapun, mengambil maklum akan kekeliruan peserta, urusetia pertandingan telah memasukkan LAMPIRAN G tersebut di dalam <i>link</i> Google Drive.</p>

BIL	PERKARA
5.	<p><u>Soalan</u></p> <p>Adakah sebarang perancangan untuk mengadakan lawatan tapak rasmi oleh Majlis untuk semua peserta pertandingan?</p> <p>Sekiranya tiada, kami bercadang untuk menjalankan lawatan tapak untuk memahami bangunan sediada. Adakah ini dibenarkan?</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Tiada lawatan tapak secara rasmi dianjurkan oleh urusetia pertandingan. Walau bagaimanapun, urusetia pertandingan tiada halangan, malah menggalakkan peserta untuk menjalankan lawatan tapak projek agar peserta lebih memahami keadaan tapak.</p> <p>Tapak projek adalah pasar awam yang boleh diakses tanpa bimbingan daripada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku pemilik bangunan.</p>
6.	<p><u>Soalan</u></p> <p>Salinan softcopy disediakan, namun terdapat beberapa maklumat/ pelan tidak lengkap seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan lantai aras <i>basement</i> dan <i>lower basement</i> tiada disediakan ii. Pelan aras <i>emporium</i> tiada disediakan iii. Pelan bumbung tiada disediakan iv. Garisan A-A tidak ditandakan di dalam pelan lantai <p><u>Jawapan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan lantai aras <i>basement</i> dan <i>lower basement</i> tiada disediakan kerana aras ini tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep. Aras <i>basement</i> dan <i>lower basement</i> adalah aras tempat meletak kenderaan. ii. Pelan aras <i>emporium</i> tiada disediakan kerana aras ini tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep. Aras <i>emporium</i> adalah aras Pejabat UTC Perak. iii. Bangunan ini adalah bangunan lama. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai pelan bumbung dalam simpanan. Bumbung bangunan ini sebahagian besar ditutupi <i>metal deck</i> dengan <i>solar panel</i> dan sebahagian kecil <i>flat roof</i> di kawasan tangki air. Urusetia pertandingan telah mengemaskini LAMPIRAN E; GAMBAR KEADAAN SEDIA ADA TAPAK PROJEK bagi membantu peserta melihat keadaan bumbung bangunan. Adalah diingatkan bahawa peserta tidak perlu mengambilkira aras bumbung dalam cadangan konsep.

BIL	PERKARA
6.	iv. Urusetia pertandingan telah mengemaskini LAMPIRAN F; Lukisan Kerja ACAD (PINDAAN 2) bagi menanda garisan Keratan A-A.
7.	<p>Soalan</p> <p>Penjelasan lanjut berkaitan skop zon basah tidak perlu diambil kira sepetimana dinyatakan di dalam brif, adakah sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kekal lokasi dan kedudukan sedia ada, tetapi masih boleh diubah suai reka bentuk gerai/ kedai b. Tidak termasuk di dalam skop langsung <p>Jawapan</p> <p>Zon barang basah adalah ruang yang tidak diwarnakan dalam LAMPIRAN F; Lukisan Kerja PDF. Seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja. Oleh itu, zon ini tidak termasuk dalam skop cadangan dan zon ini tidak perlu, serta tidak boleh diubahsuai kedudukan dan reka bentuk lot gerai.</p>
8.	<p>Soalan</p> <p>Adakah ruang/ aras <i>emporium</i> (sepetimana ada di dalam lukisan Keratan A-A) termasuk di dalam skop cadangan ini? Jika ada, apakah perincian skop dan kerja yang digariskan.</p> <p>Jawapan</p> <p>Aras <i>emporium</i> adalah aras Pejabat UTC Perak. Aras ini tiada dalam skop cadangan. Oleh itu, zon ini tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep.</p>
9.	<p>Soalan</p> <p>Adakah pemilikan bangunan atau lot gerai/ kedai di dalam bentuk milikan strata atau sewaan?</p> <p>Jawapan</p> <p>Bangunan Pasar Besar Ipoh adalah hakmilik Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Manakala pemilikan lot gerai adalah secara sewaan kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)</p>

BIL	PERKARA
10.	<p><u>Soalan</u></p> <p>Adakah terdapat perancangan oleh pihak MBI untuk lokasi tapak ini diintegrasikan dengan sistem pengangkutan awam lain di masa hadapan (ie. LRT, bas, dll)? jika ada, adakah hendak diambil kira dalam cadangan ini?</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Terdapat satu hentian bas di Jalan Laxamana (peserta boleh rujuk Google Maps). Sehubungan dengan itu, pertandingan ini mengetengahkan fokus kepada pejalan kaki dan akses utama ke pasar. Walau bagaimanapun, urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta seperti yang telah digariskan dalam perkara 8.0 KRITERIA PENILAIAN, sub perkara 8.5, Terma Rujukan Pertandingan.</p>
11.	<p><u>Soalan</u></p> <p>Bolehkah pihak kami dapatkan pelan sedia ada Pasar Besar untuk membantu kami menghasilkan konsep yang lebih tepat dalam format AutoCAD/PDF?</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Lukisan berkaitan telah dimuat naik dalam Google Drive untuk peserta dan diedarkan melalui emel daripada urusetia pertandingan (Rujuk LAMPIRAN F) beserta pengesahan pendaftaran. Link Google Drive seperti berikut:</p> <p>https://drive.google.com/drive/folders/1LezqGgge8nZN_XRWO6bgHlkZhdqk4fhj</p>
12.	<p><u>Soalan</u></p> <p>Untuk <i>competition</i> tu <i>submision size</i> dan <i>quantity</i> berapa?</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p><i>Submission size:</i> Seperti yang dinyatakan dalam perkara 15.1 Terma Rujukan Pertandingan, penyerahan penyertaan (<i>submission</i>) Fasa 1 adalah tidak lebih daripada dua (2) lukisan pembentangan bersaiz A1. Jika dimaksudkan adalah saiz dokumen, urusetia pertandingan tidak menetapkan had. Walau bagaimanapun, peserta dikehendaki untuk memastikan dokumen tidak terlalu berat dan lukisan serta tulisan boleh dibaca dengan jelas. Untuk makluman peserta, sesi penilaian akan diadakan melalui penggunaan <i>tablet</i> oleh barisan Panel Juri.</p>

BIL	PERKARA
12.	<p><i>Quantity:</i> Seperti yang dinyatakan dalam perkara 15.1 Terma Rujukan Pertandingan, penyerahan penyertaan (<i>submission</i>) Fasa 1 adalah tidak lebih daripada dua (2) lukisan pembentangan bersaiz A1 dan perkara 15.3 Satu (1) pernyataan reka bentuk (<i>design statement</i>) bersaiz A4.</p>
13.	<p><u>Soalan</u></p> <p>Kenapa ciri-ciri utama pengemukaan idea reka bentuk dan penjenamaan semula pasar Fasa 1 tidak sangat memberi tumpuan kepada idea konsep penjenamaan semula susunatur/reka bentuk, sebaliknya memberi fokus kepada lukisan persembahan seperti dalam Fasa 2?</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Seperti yang telah dinyatakan perkara 7.0 BRIF PERTANDINGAN dan 8.0 KRITERIA PENILAIAN dalam Terma Rujukan Pertandingan, fokus utama cadangan konsep adalah termasuk reka bentuk fasad utama, penyusunan semula lot gerai dan penjenamaan semula pasar. Walau bagaimanapun, urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta. Sila nyatakan perkara-peraka yang dicadangkan mengikut Format Penyerahan Penyertaan dalam lukisan pembentangan dan pernyataan reka bentuk, agar penilaian dapat dijalankan dengan lancar serta telus.</p>
14.	<p><u>Soalan</u></p> <p>Cadangan saya, untuk jadikan pasar sebagai tarian pelancong, kenapa tidak diambil kira <i>proximity</i> Sungai Kinta. Pasar lama boleh <i>rebrand</i> dan kekal untuk tujuan komersial/parkir/UTC. Tapak di pinggiran Sungai Kinta boleh diolah dengan adakan <i>skyway/linear concept market place</i> dan sebagainya.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Cadangan menaiktaraf bangunan Pasar Besar ini telah menerima peruntukan sebanyak RM15 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan hasrat untuk mengekalkan nostalgia bangunan tersebut yang sejak dahulu digunakan sebagai pasar awam merupakan tumpuan utama bandaraya Ipoh. Oleh itu, seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja. Manakala telah terdapat cadangan projek menaiktaraf yang bersesuaian bagi tapak di pinggiran Sungai Kinta dan terdapat sebahagiannya telah menerima peruntukan dari agensi berkaitan.</p>


BIL	PERKARA
15.	<p><u>Soalan</u> Fasad dan struktur tiang iklan <i>monopole</i> sedia ada adakah boleh dibuang atau perlu dikekalkan dalam cadangan?</p> <p><u>Jawapan</u> Struktur tiang iklan <i>monopole</i> sedia ada perlu dikekalkan.</p>
16.	<p><u>Soalan</u> Adakah penarafan hijau seperti GBI dan MyCrest diperlukan dalam lampiran pembentangan?</p> <p><u>Jawapan</u> Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) memahami kekangan yang ada bagi mendapatkan penarafan hijau yang berkaitan. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dinyatakan dalam perkara 8.0 KRITERIA PENILAIAN, sub perkara 8.7 maka sebarang cadangan penarafan hijau berkaitan adalah perlu dimasukkan sama ada dalam lukisan pembentangan atau penyataan reka bentuk, atau kedua-duanya sekali.</p>
17.	<p><u>Soalan</u> Adakah 3D Model terkini disediakan atau perlu menggunakan lukisan pelan teknikal yang disediakan pengajur?</p> <p><u>Jawapan</u> Bangunan ini adalah bangunan lama yang belum dibuat pengubahsuaian berskala besar. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai 3D Model dalam simpanan. Peserta perlu menggunakan lukisan pelan teknikal yang disediakan.</p>
18.	<p><u>Soalan</u> <i>Can we rearrange the Gerai Basah stalls?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Tidak. Zon barang basah tidak termasuk dalam skop cadangan dan zon ini tidak perlu, serta tidak boleh diubahsuai kedudukan dan reka bentuk lot gerai.</p>


BIL	PERKARA
19.	<p><u>Soalan</u> <i>What are the quantity of the wet market stalls by each category?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Zon barang basah adalah ruang yang tidak diwarnakan dalam LAMPIRAN F; Lukisan Kerja PDF. Urusetia pertandingan tidak memberikan maklumat berkenaan zon ini kerana zon ini tidak termasuk dalam skop cadangan.</p>
20.	<p><u>Soalan</u> <i>Can we propose to have more pedestrian bridge linkage to the Pasar Ayam Amanjaya?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Cadangan menaiktaraf bangunan Pasar Besar ini telah menerima peruntukan sebanyak RM15 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Oleh itu, seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja. Urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta, tertakhluk kepada perkara 7.0 BRIF PERTANDINGAN dan 8.0 KRITERIA PENILAIAN.</p>
21.	<p><u>Soalan</u> <i>We would like to verify that Pasar Ayam Amanjaya is not part of the brief.</i></p> <p><u>Jawapan</u> Seperti yang telah dinyatakan sub perkara 7.1.1 dan LAMPIRAN G dalam Terma Rujukan Pertandingan, hanya pasar kering sahaja yang terlibat bagi cadangan konsep pertandingan ini. Oleh itu, Pasar Ayam Amanjaya adalah tidak perlu, serta tidak boleh dicadang untuk diubahsuai.</p>

BIL	PERKARA
22.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>Can we have the Second Floor Plan & Roof Plan to identify possible locations for creating punctures to allow natural light and ventilation to the First Floor below?</i></p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Bangunan ini adalah bangunan lama. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai pelan bumbung dalam simpanan. Bumbung bangunan ini sebahagian besar ditutupi <i>metal deck</i> dengan <i>solar panel</i> dan sebahagian kecil <i>flat roof</i> di kawasan tangki air. Urusetia pertandingan telah mengemaskini LAMPIRAN E; GAMBAR KEADAAN SEDIA ADA TAPAK PROJEK bagi membantu peserta melihat keadaan bumbung bangunan. Adalah diingatkan bahawa peserta tidak perlu mengambilkira aras bumbung dalam cadangan konsep.</p> <p>Manakala <i>second floor plan</i> (ditanda sebagai <i>emporium</i>) adalah aras Pejabat UTC Perak. Aras ini tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep. Untuk makluman peserta, aras ini adalah sama seperti aras di bahagian bawah, iaitu <i>void</i> di kawasan <i>courtyard</i> dan lot-lot UTC di bahagian lainnya.</p>
23.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>What is the extent of works can be carried out to the Wet Stalls? i.e Make Good, new bench finishes or no work at all.</i></p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Zon barangian basah adalah ruang yang tidak diwarnakan dalam LAMPIRAN F; Lukisan Kerja PDF. Zon barangian basah tidak termasuk dalam skop cadangan dan zon ini tidak perlu, serta tidak boleh diubahsuai apa-apa item di dalamnya.</p>
24.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>Which staircase can the public access to go to UTC and which are Staff access only? Please indicate on plans.</i></p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Kesemua tangga boleh diakses oleh orang awam. Tiada akses khusus bagi anggota Majlis.</p>

BIL	PERKARA
25.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>Is the Surau in high demand based on the demographics of the visitors & sellers? This is to determine the size of the Surau required.</i></p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Seperti yang telah dinyatakan perkara 1.0 LATAR BELAKANG dalam Terma Rujukan Pertandingan, anggaran pengguna yang mengunjungi pasar sedia ada adalah sekitar 1,000 sehingga 3,000 orang pada hari minggu atau hari pelepasan am, manakala separuh dari jumlah tersebut pada hari biasa. Ini menjadikan anggaran jumlah pengunjung sekitar 14,000 orang seminggu.</p>
26.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>Please indicate the location of existing Water Tank and Hose Reel Pump Room on the Floor Plans.</i></p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Bangunan ini adalah bangunan lama. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai pelan terperinci seperti yang diminta.</p>
27.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>What is the function of the 2-turrets facing Jalan Foo Choo Choon? Not showing on plans.</i></p>  <p><u>Jawapan</u></p> <p>Kawasan ini adalah laluan ke aras bumbung dan merupakan tempat rehat anggota penyelenggaraan Majlis.</p>

BIL	PERKARA
28.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>Are we allowed to change the whole exterior façade in its entirety from Ground Floor to the top Floor including UTC's facade? If yes, please share the UTC design guideline.</i></p>  <p><u>Jawapan</u></p> <p>Sebarang pengubahsuaian bangunan Pejabat UTC Perak terikat dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Sehubungan dengan itu, adalah tidak dibenarkan sebarang cadangan pengubahsuaian melibatkan bangunan Pejabat UTC Perak dalam cadangan konsep pertandingan ini.</p>
29.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>Will the UTC remain functional during the upgrade works and continue operating in the same building in the future?</i></p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Tiada sebarang cadangan pemindahan bangunan Pejabat UTC Perak.</p>
30.	<p><u>Soalan</u></p> <p><i>Do we need to comply with Madani colour scheme? If yes, to what extent.</i></p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Cadangan menaiktaraf bangunan Pasar Besar ini telah menerima peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Oleh itu, skim warna yang seragam, iaitu Brilliant White 1001, Gray Mystic N 1986P dan Sashay Red NP R 1260A perlu digunakan. Contoh skim warna ini adalah berdasarkan cat jenama Nippon Paint. Namun, bagi pelaksanaan projek, ianya tidak tertakhluk kepada mana-mana jenama cat. (Rujuk lampiran yang dikepulkan).</p>

BIL	PERKARA
31.	<p>Soalan <i>Can the UTC signage pole be used for market signage?</i></p>  <p>Jawapan Tidak dibenarkan sebarang cadangan pengubahsuaian melibatkan bangunan Pejabat UTC Perak dalam cadangan konsep pertandingan ini.</p>
32.	<p>Soalan <i>Are we allowed to restrict vehicular access to the current courtyard access?</i></p>  <p>Jawapan Bagi keadaan sedia ada di tapak, tiada kenderaan dibenarkan masuk ke kawasan <i>courtyard</i>. Untuk makluman peserta, keutuhan tapak <i>courtyard</i> tidak boleh menampung kenderaan yang banyak.</p>

BIL	PERKARA
33.	<p>Soalan</p> <p><i>Are we allowed to remove the 2 Nos of “Parkir Khas” at UTC entry to replace for a new Passenger Drop off zone? If Yes, may we relocate it inside the building?</i></p>  <p>Jawapan</p> <p>Parkir khas kendaraan ini boleh dialihkan mengikut sebarang kreativiti peserta. Walau bagaimanapun, ia perlu diganti di lokasi sesuai yang lain.</p>
34.	<p>Soalan</p> <p><i>Please advise the function of the mechanical cage located under the Ramp at the UTC Main Entrance/ back lane. Can this cage be removed/ relocated/ resized to improve pedestrian walkway connectivity?</i></p>  <p>Jawapan</p> <p>Gambar yang ditunjukkan adalah Generator Set (Genset) untuk Bangunan UTC Perak yang berfungsi untuk menjana tenaga elektrik dan digunakan sebagai sumber kuasa sandaran bagi bangunan tersebut. Kedudukan Genset tersebut boleh diubah ke lokasi lain, tertakhuk seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja.</p>

BIL	PERKARA
35.	<p><u>Soalan</u> <i>Are we allowed to upgrade the pedestrian bridge on Jalan Datuk Onn Jaafar, Jalan Foo Choo Choon and the back lane?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Seperti yang telah dinyatakan perkara 7.1.8 dalam Terma Rujukan Pertadingan, penambahbaikan laluan jejantas adalah diperlukan.</p>
36.	<p><u>Soalan</u> <i>Can we obtain more sectional drawings with its cut line indicated on the floor plans?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Bangunan ini adalah bangunan lama yang belum dibuat pengubahsuaian berskala besar. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai lukisan terperinci seperti yang diminta.</p>
37.	<p><u>Soalan</u> <i>Please indicate all M&E services rooms and its location on plan. Can any of these be relocated if necessary?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Bangunan ini adalah bangunan lama yang belum dibuat pengubahsuaian berskala besar. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai lukisan terperinci seperti yang diminta.</p>
38.	<p><u>Soalan</u> <i>Do we need to include upgrading car park in design?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Aras parkir kenderaan tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep.</p>
39.	<p><u>Soalan</u> <i>Can we propose layout in configuration to the existing car park?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta. Walau bagaimanapun, pelan lantai kawasan parkir kenderaan sedia ada tidak akan diberikan berikutkan kawasan ini tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep.</p>

BIL	PERKARA
40.	<p><u>Soalan</u> Lampiran G bil.6 : Pihak kami tidak perlu ambil tahu dan sentuh bahagian ini ? kerana masalah bau berpunca daripada ruangan ini.</p> <p><u>Jawapan</u> Zon barang basah adalah ruang yang tidak diwarnakan dalam LAMPIRAN F; Lukisan Kerja PDF. Seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja. Oleh itu, zon ini tidak termasuk dalam skop cadangan dan zon ini tidak perlu, serta tidak boleh diubahsuai kedudukan dan reka bentuk lot gerai.</p>
41.	<p><u>Soalan</u> Lampiran G : tidak menyatakan sebarang penambahbaikan yang diperlukan untuk ruangan parkir di tingkat bawah tanah</p> <p><u>Jawapan</u> Tingkat bawah tanah adalah aras parkir kenderaan. Aras ini tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep.</p>
42.	<p><u>Soalan</u> Lampiran G: Adakah kategori perniagaan dibenarkan meyusun di zon lain daripada yang ditetapkan?</p> <p><u>Jawapan</u> Boleh. Urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta.</p>
43.	<p><u>Soalan</u> Adakah pecah roboh sebahagian dinding dan lantai dibenarkan?</p> <p><u>Jawapan</u> Urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta tertakhluk seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja.</p>

BIL	PERKARA
44.	<p><u>Soalan</u> Adakah saluran udara yang sedia ada berfungsi atau boleh diganti?</p> <p><u>Jawapan</u> Saluran udara yang sedia ada masih berfungsi tetapi boleh diganti, tertakhluk seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja.</p>
45.	<p><u>Soalan</u> Bolehkah kami mendapatkan lukisan CAD elevasi untuk bahagian UTC?</p> <p><u>Jawapan</u> Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai lukisan terperinci seperti yang diminta.</p>
46.	<p><u>Soalan</u> <i>Can the carpark be remove and use as other function?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Jika dimaksudkan parkir khas kenderaan di hadapan akses ke Pejabat UTC Perak, parkir khas tersebut boleh dialihkan, namun perlu diganti di lokasi bersesuaian yang lain. Manakala jika dimaksudkan adalah parkir kenderaan di aras bawah tanah bangunan Pasar Besar tersebut, aras ini tidak perlu diambil kira dalam cadangan konsep. Walau bagaimanapun, urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta.</p>
47.	<p><u>Soalan</u> <i>Where is the ‘zon barangang basah’ demarcation?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Zon barangang basah adalah ruang yang tidak diwarnakan dalam LAMPIRAN F; Lukisan Kerja PDF.</p>
48.	<p><u>Soalan</u> <i>Is that any existing lift inside this building?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Tiada sebarang lif sedia ada. Seperti dinyatakan sub perkara 7.1.5 dalam Terma Rujukan Pertandingan, penambahan lif baru adalah diperlukan dalam cadangan konsep.</p>

BIL	PERKARA
49.	<p><u>Soalan</u> <i>Which part of the building cannot be demolish?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Tidak dibenarkan sebarang cadangan perobohan struktur utama bangunan agar keutuhan bangunan boleh dikekalkan. Walau bagaimanapun, urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta.</p>
50.	<p><u>Soalan</u> <i>Is adding another storey allowed?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta tertakhluk seperti yang telah dinyatakan dalam sub perkara 7.2.6 Terma Rujukan Pertandingan, anggaran kos projek oleh peserta bagi tujuan pertandingan ini secara keseluruhannya adalah RM13.5 juta sahaja.</p>
51.	<p><u>Soalan</u> <i>Is there any demarcation of existing trees and landscape?</i></p> <p><u>Jawapan</u> Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) selaku urusetia pertandingan tidak mempunyai lukisan terperinci seperti yang diminta. Adalah diingatkan bahawa pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru.</p>
52.	<p><u>Soalan</u> Adakah pertandingan meniktara Pasar Besar Ipoh ini peserta perlu mengekalkan struktur utama bangunan sedia ada ataupun bangunan asal perlu dirobohkan dan bina struktur dan reka bentuk bangunan yang baru mengikut idea dan konsep kreativiti peserta?</p> <p><u>Jawapan</u> Pertandingan ini adalah selaras dengan cadangan projek menaiktaraf bangunan sedia ada serta reka bentuk dalaman, dan bukanlah membina bangunan baru. Tidak dibenarkan sebarang cadangan perobohan struktur utama bangunan agar keutuhan bangunan boleh dikekalkan. Walau bagaimanapun, urusetia pertandingan mengalu-alukan sebarang bentuk kreativiti peserta.</p>

BIL	PERKARA
53.	<p><u>Soalan</u> Jumlah unit bagi Zon B,C,D,E mempunyai 412 unit secara keseluruhan. Akan tetapi, berapakah unit bagi Zon barangan basah yang perlu diperuntukkan untuk kawasan lantai yang akan direka nanti?</p> <p><u>Jawapan</u> Zon barangan basah adalah ruang yang tidak diwarnakan dalam LAMPIRAN F; Lukisan Kerja PDF. Zon ini tidak termasuk dalam skop cadangan dan zon ini tidak perlu, serta tidak boleh diubahsuai kedudukan dan reka bentuk lot gerai.</p>
54.	<p><u>Soalan</u> Adakah ruang niaga bagi non-halal dipasar besar Ipoh ini juga?</p> <p><u>Jawapan</u> Ruangan niaga bagi non-halal terletak di zon barangan basah. Zon ini tidak termasuk dalam skop cadangan dan zon ini tidak perlu, serta tidak boleh diubahsuai kedudukan dan reka bentuk lot gerai.</p>